

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

---



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JFP 466 - Opsyen dan Pasaran Hadapan /  
JFW 370 - Derivatif Kewangan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Tuliskan angka giliran anda di atas setiap kertas jawapan anda.

Mesin kira saintifik boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

Serahkan **KESELURUHAN** kertas soalan peperiksaan ini kepada Ketua Pengawas. Kertas soalan ini **TIDAK BOLEH** dibawa keluar daripada dewan peperiksaan.

**SOALAN 1 [25 markah]**

Terangkan maksud kontrak niaga hadapan indeks saham (SIF) dan kegunaannya.

**SOALAN 2 [25 markah]**

- (a) Berikan maksud istilah ‘opsyen’.
- (5 markah)
- (b) Bezakan yang berikut:
- (i) opsyen ‘Call’ dan opsyen ‘Put’
  - (ii) gaya opsyen Amerika dan gaya opsyen Eropah
  - (iii) posisi beli (*long*) dan posisi jual (*short*)
- (15 markah)
- (c) Mengapakah opsyen diperlukan sedangkan instrumen yang sedia ada boleh digunakan untuk lindung nilai, arbitraj, dan spekulasi?
- (5 markah)

**SOALAN 3 [25 markah]**

- (a) Terangkan konsep ‘swap’.
- (5 markah)
- (b) Syarikat Delta dan Syarikat Beta ingin membuat pinjaman sebanyak RM20 juta untuk tempoh lima tahun. Prinsipal akan dibayar dalam satu bayaran tunggal pada akhir tahun kelima berserta bayaran faedah dua kali setahun. Delta yang mempunyai penarafan kredit AAA lebih suka kadar faedah terapung manakala Beta yang mempunyai pengadaran kredit A lebih suka kadar faedah tetap. Kadar faedah untuk setiap firma dalam pasaran tetap dan terapung adalah seperti berikut:

|       | Pasaran kadar tetap | Pasaran kadar terapung |
|-------|---------------------|------------------------|
| Delta | 10%                 | KLIBOR + 0.50%         |
| Beta  | 12%                 | KLIBOR + 1.50%         |

Strukturkan satu swap kadar faedah untuk Syarikat Delta dan Syarikat Beta.

(20 markah)

**SOALAN 4 [25 markah]**

- (a) Strategi opsyen biasanya digunakan untuk mencapai objektif pelaburan atau untuk mengambil kesempatan ke atas harga aset pendasar dalam keadaan pasaran tertentu. Terangkan **DUA (2)** kategori strategi opsyen.  
(10 markah)
- (b) Encik Jamil mempunyai satu lot saham Syarikat Dutch Lady pada RM42.50 sesaham dengan jumlah pelaburan RM4,250. Encik Jamil percaya saham ini mempunyai potensi dalam jangka masa panjang tetapi ingin melindungi diri daripada sebarang penurunan harga dalam jangka masa pendek. Cadangkan satu strategi opsyen yang boleh digunakan untuk melindungi kedudukan Encik Jamil. [Jawapan perlu besertakan jadual hasil.]  
(15 markah)